

5. PENGGUBALAN SEMULA GARISPANDUAN TEMPAT MELETAK KENDERAAN PULAU PINANG

Diluluskan perakuan yang dibentangkan seperti berikut :-

- i) Garispanduan baru meletak kenderaan yang diringkaskan seperti di Jadual A, Butir-butir ukuran minimum di Jadual B dan Jadual Susunan tempat letak kereta di Jadual C yang dikepalkan. Garispanduan ini adalah untuk menggantikan garispanduan yang telah diluluskan 29-11-93.
- ii) Tarikh penguatkuasaan garispanduan baru ini adalah mulai dari 1-1-94.
- iii) Semua Permohonan Merancang dan Pelan Bangunan yang diterima pada atau selepas 1-1-94 hendaklah mematuhi garispanduan baru tersebut. Bagi kes-kes di mana pemohon telah diminta menyediakan tempat meletak kenderaan mengikut garispanduan asal, tetapi belum diluluskan, maka kes-kes sedemikian hendaklah dikira semula dan dikenakan garispanduan baru. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes di mana pemohon telah diminta menyediakan tempat meletak kenderaan mengikut garispanduan asal dan telah diluluskan, maka rayuan untuk menggunakan garispanduan baru boleh dipertimbangkan sekiranya diterima, dan
- iv) Bayaran Sumbangan terhadap peruntukan tempat letak kenderaan yang tidak dapat disediakan seperti dalam garispanduan asal adalah seperti berikut :-

Bandar :	RM15,000.00 setiap petak tempat letak kereta
Luarbandar :	RM10,000.00 setiap petak tempat letak kereta

Memandangkan garispanduan baru ini telah menetapkan ukuran minimum bagi petak letak motosikal dan petak tempat letak koc, bagi tujuan pengiraan sumbangan diluluskan :-

- i) 10 petak tempat letak motosikal adalah bersamaan 1 petak tempat letak kereta;
- ii) 1 petak tempat letak koc adalah bersamaan 2 petak tempat letak kereta.